

Pemikiran dan Pendekatan Dakwah Abdullah Munsyi dalam Hikayat Abdullah

Abdullah Munsyi's Da'wah Thoughts and Approach in Hikayat Abdullah

*AZMAN YUSOF & ANISAH BAHYAH HJ AHMAD

ABSTRAK

Abdullah bin Abdul Kadir atau lebih dikenali dengan Abdullah Munsyi merupakan seorang pengarang yang hidup pada awal abad ke-19. Beliau terkenal dengan julukan Bapa Kesusastraan Melayu Moden kerana karya-karyanya yang tidak terikat dengan bentuk kesusastraan Melayu klasik. Salah satu karya beliau yang tersenarai sebagai Karya Agung Dunia Melayu ialah *Hikayat Abdullah*. Walaupun kajian terhadap karyanya itu telah banyak dihasilkan namun masih belum ada penelitian terhadap aspek pemikiran dakwah beliau. Oleh Kajian ini bertujuan untuk meneliti pemikiran dakwah Abdullah Munsyi berdasarkan teks *Hikayat Abdullah*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu meneliti teks *Hikayat Abdullah* terbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1963 (Cetakan semula 1997), dengan menggunakan kaedah analisis tekstual. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal dan buku bagi menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan kajian. Hasilnya, kajian ini mendapat: 1) Dari segi perspektif pemikiran dakwah, Abdullah Munsyi memiliki konsepsi dan gagasan yang diterapkan menerusi pendekatan *dakwah bil hal* dalam aktiviti (a) pekerjaan; dan (b) persahabatan. 2) Pendekatan *Dakwah bil kitabah* dalam menyampaikan tiga teras pemikirannya, iaitu (a) kepentingan pendidikan, (b) pemikiran rasional, dan (c) kritikan terhadap adat yang bertentangan dengan nilai agama. Kajian ini diharap dapat menjadi pemula kepada kajian yang lebih lanjut bagi meneroka, membaca, dan memahami pemikiran dakwah Abdullah Munsyi dan diambil manfaat daripadanya.

Kata kunci: *Abdullah Munsyi, pemikiran dakwah, Hikayat Abdullah, dakwah bil hal, Dakwah bil kitabah*

ABSTRACT

Abdullah bin Abdul Kadir or better known as Abdullah Munsyi is an author who lived in the early 19th century. He is known as the Father of Modern Malay Literature because of his works that are not tied to the classical form of Malay

literature. One of his works that is listed as the Masterpiece of the Malay World is Hikayat Abdullah. Although many studies have been done on his work, there is still no research on the aspects of his da'wah thought. By This study aims to examine Abdullah Munsyi's preaching thought based on the Hikayat Abdullah text. This study uses a qualitative method which examines the text of Hikayat Abdullah published by Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1963 (Reprinted 1997), by using the method of textual analysis. In addition, secondary sources are also used such as journals and books to support and strengthen the research findings. As a result, this study found: 1) From the perspective of da'wah thinking, Abdullah Munsyi has conceptions and ideas that are applied through the da'wah bil hal in activities (a) work; and (b) friendship. 2) Da'wah bil kitabah in conveying three core thoughts, namely (a) the importance of education, (b) rational thinking, and (c) criticism of customs that are contrary to religious values. It is hoped that this study can be the starting point for further studies to explore, read, and understand Abdullah Munsyi's preaching thought and benefit from it.

Keywords: *Abdullah Munsyi, da'wah thought, Hikayat Abdullah, da'wah bil hal, Dakwah bil kitabah*

Diterima: 21 Oktober 2024

Disemak semula: 24 November 2024

Diterima akhir: 21 Disember 2024

Diterbitkan: 31 Disember 2024

PENDAHULUAN

Pada awal abad ke-19, Alam Melayu mengalami banyak perubahan yang signifikan. Kesultanan-kesultanan Melayu mengalami kelemahan yang ketara akibat pelbagai faktor dalaman dan luaran, yang menyumbang kepada penurunan pengaruh politik dan ekonomi mereka. Perebutan takhta di kalangan waris dan golongan bangsawan seringkali melemahkan kesultanan kerana tenaga dan sumber mereka dihabiskan untuk menghadapi konflik dalam berbanding mempertahankan kedaulatan daripada ancaman luar. Sebagai contoh, Kesultanan Johor-Riau-Lingga mengalami krisis pewarisan yang rumit, yang akhirnya melemahkan kedudukan mereka dan membuka ruang untuk campur tangan British dan Belanda.

Era ini juga menyaksikan cengkaman kuasa Barat semakin kukuh dan dominan dalam menentukan hala tuju geopolitik, ekonomi dan sosial di rantau ini. British dan Belanda terlibat dalam persaingan untuk menguasai wilayah-wilayah strategik di Alam Melayu, yang melemahkan kedaulatan kesultanan-kesultanan Melayu yang wujud pada masa itu. Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 adalah salah satu peristiwa penting di mana wilayah Alam Melayu dibahagikan kepada dua zon pengaruh. Ini mengakibatkan Kesultanan-kesultanan Melayu di bawah pengaruh kuat British di

Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, serta Belanda di Kepulauan Indonesia.

Di samping itu, pemikiran yang tertutup dan amalan adat yang kolot dalam kalangan masyarakat Melayu menambahkan lagi kepada kelemahan mereka sama ada dari segi sosial, ekonomi mahu pun politik. Ramai orang Melayu ketika itu menganggap bahawa pengaruh Barat dan ilmu moden, seperti sains, teknologi, dan bahasa asing, bertentangan dengan ajaran agama dan adat mereka. Sebaliknya, Kepercayaan khurafat dan pergantungan kepada dukun atau bomoh untuk menyelesaikan masalah dianggap lebih penting daripada pendekatan yang logik atau saintifik. Hal ini menyebabkan masyarakat Melayu ketinggalan dalam arus perkembangan ekonomi dan teknologi. Lebih parah lagi, mereka tidak dapat bersaing dengan bangsa asing, terutamanya Eropah.

Reaksi daripada senario ini telah mencetuskan kebangkitan intelektual dan sosial dalam masyarakat Melayu yang ditandai dengan kemunculan beberapa tokoh pemikir dan penulis seperti Raja Ali Haji, Abdullah Munsyi, Syed Sheikh al-Hadi dan lain-lain. Tokoh-tokoh ini tidak hanya fokus pada agama tetapi juga memajukan pemikiran daripada konservatif kepada progresif, menekankan kepentingan terhadap pendidikan, dan memperkenalkan bentuk kesusastraan yang mengandungi elemen-elemen baru serta mengkritik budaya masyarakat Melayu yang kolot pada masa itu.

PEMIKIRAN DAKWAH

Pemikiran adalah daripada kata akar fikir yang merujuk kepada perihal berfikir (Kamus Dewan Edisi Keempat, hlm. 411). Manakala, Ibn Manzur dalam kitabnya *Lisan al-Arab* mengatakan pemikiran ertinya pemakaian nalar atau lintasan hati terhadap sesuatu (*i'mal al-khatir fi al-sya'i*). Ini bererti bahawa pemikiran adalah aktiviti intelektual yang diungkapkan dengan kata-kata (Ibn Manzur, 1990, jilid. 5). Ia merupakan kaedah yang dilalui oleh akal untuk mencapai ilmu pengetahuan atau kaedah yang digunakan oleh umat Islam untuk berfikir atau yang semestinya mereka berfikir. John Dewey (1910), memperkenalkan gagasan bahawa berfikir bukan sekadar menjana idea tetapi tentang cara yang sistematik untuk menyelesaikan masalah dan menghadapi cabaran secara terancang dan berasaskan bukti. Dengan kata lain, ia menekankan kepentingan proses pemikiran yang teratur dan berorientasikan penyelesaian masalah. Kesemua konsep ini menunjukkan bahawa pemikiran adalah satu proses pelbagai rupa yang melibatkan pelbagai cara dan kaedah untuk mencapai pemahaman dan penyelesaian.

Apabila dihubungkan dengan dakwah, maka ia tidak dapat dipisahkan dengan *wordview* Islam. Secara harfiah, kata dakwah berasal dari bahasa Arab, iaitu *da'a-yad'u-da'watan*, yang bererti mengajak, menyeru, memanggil, mengundang, mendorong dan memohon. Kamus Dewan (Kamus Dewan Edisi Keempat, hlm. 411) memberi beberapa erti kepada kata dakwah, antaranya ialah;

- i. Kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan
- ii. Patuh kepada ajaran Islam dengan lebih sempurna

Sheikh Ali Mahfuz dalam karyanya *Hidayatul Mursyidin* mendefinisikan dakwah sebagai usaha mendorong manusia melakukan kebaikan dan mengikuti petunjuk Allah, serta mencegah dari melakukan perbuatan mungkar. Menurut definisi ini, dakwah bertujuan agar manusia mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Fokus utama adalah kepada kesan positif yang diharapkan daripada dakwah iaitu kebaikan dan kebahagiaan kepada individu dan masyarakat. Manakala, Hamzah Ya'kub pula mendekati definisi dakwah dari sudut metodologi. Tegasnya, dakwah perlu dilaksanakan dengan hikmah atau kebijaksanaan, yang bermaksud pendekatan dalam mengajak manusia mengikut petunjuk Allah dan Rasul-Nya hendaklah dilaksanakan dengan penuh hikmah dan berkesan. Definisi ini menonjolkan kepentingan cara atau kaedah dalam berdakwah, serta bagaimana pendekatan yang bijak dapat menjadikan mesej dakwah lebih diterima dan dihayati oleh khalayak.

Sementara itu, menurut Fadhlullah Jamil (2008) mengutip pendapat Hamka mengatakan dakwah mempunyai makna yang mendalam dan khusus dalam konteks ajaran Islam. Berikut adalah beberapa elemen penting yang beliau maksudkan, iaitu:

- i. Dakwah bukan sekadar menyampaikan maklumat, tetapi juga mengajak secara aktif kepada individu atau kumpulan untuk mengikuti prinsip dan ajaran Islam sebenar.
- ii. Dakwah mestilah berlandaskan prinsip yang baik dan membina, yang membawa manfaat dan kebaikan.
- iii. Mengajak manusia menerima ajaran agama dan mengaplikasikannya dalam kehidupan sehari-hari.
- iv. *Amar ma'ruf nahi munkar* iaitu mengajak atau menyuruh melakukan perkara yang baik dan benar serta mencegah atau mengelakkan perbuatan buruk atau salah.
- v. Aktiviti dakwah perlu giat dan terancang untuk mempengaruhi tingkah laku dan sikap manusia secara positif.

- vi. dakwah perlu dilaksanakan secara konstruktif dan terarah, berfokus kepada tindakan nyata dan berkesan dalam menggalakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Berdasarkan daripada huraian di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa pemikiran dakwah merujuk kepada teori dan pendekatan yang digunakan dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat; termasuk menyeru kepada masyarakat Islam itu sendiri supaya beramal dengan ajaran Islam yang sebenar. Oleh itu, pendekatan yang bijak dan berkira amat penting dalam memastikan mesej dakwah diterima dan dilaksanakan dengan baik.

METODOLOGI KAJIAN

kajian ini menggunakan kaedah penelitian kualitatif iaitu meneliti teks *Hikayat Abdullah* terbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1963 (Cetakan semula 1997), dengan menggunakan kaedah analisis tekstual. Analisis isi (content analysis) adalah suatu teknik kajian untuk membuat kesimpulan-kesimpulan yang didasarkan kepada data-data yang sahih dengan memperhatikan konteksnya. Kajian yang bertemakan pemikiran dan pendekatan dakwah Abdullah Munsyi berdasarkan karya agungnya *Hikayat Abdullah* bertujuan untuk menemukan pemahaman baru terhadap pemikirannya yang berkaitan dengan dakwah. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal dan buku bagi menyokong dan mengukuhkan lagi dapatan kajian.

HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Bibliografi Abdullah bin Abdul Kadir

Abdullah Munsyi atau nama sebenarnya Abdullah bin Abdul Kadir, merupakan tokoh penting dalam kesusastraan Melayu abad ke-19. Dilahirkan pada 1796 di Melaka, yang ketika itu merupakan sebahagian daripada wilayah British. Abdullah sebenarnya berketurunan campuran Arab-Tamil tetapi sering dianggap sebagai salah seorang penulis Melayu moden yang terawal. Beliau terkenal dengan karya autobiografinya *Hikayat Abdullah* yang menceritakan secara terperinci tentang kehidupannya, keadaan sosial dunia Melayu, dan interaksinya dengan orang-orang Eropah.

Abdullah bekerja sebagai guru, penterjemah, dan jurutulis, dan kecekapannya dalam pelbagai bahasa, termasuk Melayu, Arab, Tamil, dan Inggeris, menjadikannya perantara yang berharga antara penduduk tempatan

dan pentadbir kolonial. Penulisannya terkenal kerana penggunaan bahasa Melayu yang jelas dan bebas daripada pengaruh klasik yang menjadi ciri kebanyakan kesusasteraan pada masa itu.

Karya Abdullah menandakan peralihan dalam kesusasteraan Melayu, jauh daripada hikayat tradisional yang sering diisi dengan kesah dongeng dan mistik; ke arah gaya yang lebih realistik dan autobiografi. Justeru, beliau sering dianggap sebagai perintis kesusasteraan Melayu moden dan memainkan peranan penting dalam mendokumentasikan pertemuan awal antara orang Melayu dan Eropah di rantau ini.

Hikayat Abdullah

Hikayat Abdullah adalah salah satu persuratan Melayu terawal yang ditulis oleh Abdullah Munsyi. Teks ini merupakan karya sejarah dan autobiografi yang penting dalam bahasa Melayu, memberikan gambaran tentang landskap sosial, budaya dan politik Tanah Melayu abad ke-19 dan Singapura di bawah pemerintahan kolonial British.

Karya ini sering dianggap sebagai salah satu contoh Persuratan Melayu moden awal, kerana ia beralih daripada bentuk Persuratan Melayu tradisional seperti hikayat (kisah epik) dan syair, sebaliknya menggunakan gaya yang lebih peribadi dan reflektif, menyerupai memoir. Dalam *Hikayat Abdullah*, Munsyi Abdullah menceritakan kehidupan, pemikiran tentang perubahan sosial yang berlaku di sekelilingnya, dan interaksi beliau dengan pelbagai tokoh kolonial British. Teks ini diingati kerana kritikannya terhadap masyarakat Melayu, serta pemerhatiannya terhadap kolonial dan peralihan budaya yang berlaku di Asia Tenggara pada masa itu.

Pemikiran Dakwah Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah*

Pemikiran Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah* sangat dipengaruhi oleh pengalamannya sebagai seorang pendidik, penulis, dan intelektual yang hidup di masa penjajahan British di Melaka dan Singapura. Abdullah Munsyi terkenal kerana pandangannya yang progresif dan kritis terhadap masyarakat khususnya orang-orang Melayu pada zamannya, dan ini tercermin dalam pendekatan penulisannya. Berikut adalah beberapa aspek utama pemikiran dakwah Abdullah Munsyi sebagaimana yang digarap dalam karya beliau yang berjudul *Hikayat Abdullah*:

a) Pentingnya Pendidikan dan Ilmu Pengetahuan

Abdullah menekankan pentingnya pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam kehidupan umat Islam. Ia bukan sekadar tuntutan agama semata-mata, tetapi

juga menjadi ‘tiket’ kepada kekayaan dan kemasyhuran. Menurut beliau: “*Adapun ilmu dan kepandaian itu menjadi tangga kepada pangkat kekayaan, dan kekayaan itu membawa kepada kebesaran...*” (hlm. 14)

Lantaran itu beliau menasihati kepada ibubapa agar jangan kedekut mengeluarkan harta demi pendidikan anak-anak. Dalam hal ini, beliau menulis: “...*aku wasiatkan akan nasihatku ini bagi segala kanak-kanak ...janganlah engkau takut membelanjakan dia sebab menuntut ilmu itu...*” (hlm. 16)

Pengalaman menuntut ilmu ketika usia kecil dan ketegasan ayah beliau di dalam upaya mendidiknya turut dikongsi kepada pembaca agar menjadi teladan kepada generasi kemudian. Hal ini beliau garap sebagaimana berikut: “...*maka bapaku memberi perintah akan daku, dapat tiada hendaklah ada aku hadir pada tiap-tiap lima waktu sembahyang di masjid...*” (hlm. 22)

Walaupun beliau hampir-hampir muak dengan tekanan ayahnya itu tetapi dengan pujuk rayu ibu, beliau kembali tenang dan fokus untuk belajar. Nasihat ibu beliau: “...*sekarang belum lagi engkau tahu akan gunanya ilmu itu, nanti di belakang kelak baharulah engkau tahu akan gunanya ilmu itu...*” (hal 27).

Apatah lagi setelah mengetahui harapan ayahnya yang begitu besar apabila secara tidak sengaja terdengar kata-kata yang diluahkan ayah kepada ibunya: “...*jikalau ia tiada tahu mengaji dan menyurat, tinggal bodoh, aku bilangkan dia seperti sudah mati adanya.*” (hlm. 29)

Setelah dewasa, Abdullah Munsyi melihat bahawa kekurangan pendidikan, terutama dalam bidang akademik dan agama, menjadi salah satu penyebab kelemahan masyarakat Melayu. Beliau mengkritik orang Melayu yang malas belajar dan hanya bergantung pada adat tanpa memahami ajaran Islam yang sebenar. Dalam konteks dakwah, dia percaya bahawa pencerahan intelektual adalah kunci untuk memperbaiki masyarakat. Hal ini dapat difahami menerusi catatannya:

“*Adalah suatu hairan, lagi tercengang aku sebab melihatkan dan memikirkan hal orang Melayu ini, belum sedar akan dirinya. Ia tinggal dalam bodohnya itu, oleh sebab ia tiada mahu belajar bahasanya sendiri, dan tiada mahu menaruh tempat belajar bahasanya itu. Maka mustahil pada akal, adakah orang yang tiada belajar itu boleh menjadi pandai sendiri?...*” (hlm. 35)

b) Kritik terhadap Pemikiran dan Amalan Agama yang Tidak Sesuai

Abdullah juga mengkritik amalan-amalan agama yang menurutnya tidak berdasarkan pada ajaran Islam yang sebenar. Dia mengkritik umat Islam

khususnya orang Melayu yang hanya mengajarkan aspek-aspek ritual tanpa memperhatikan pemahaman mendalam tentang Islam. Dia berpendapat bahawa dakwah harus berfokus pada ajaran yang benar dan murni, bukan sekadar ritual dan adat yang kadang kala bertentangan dengan ajaran Islam. Akibatnya, tumbuhlah pemahaman tahayul dan karut-marut dalam pemikiran orang-orang Melayu. Gambaran ini dapat dilihat ketika Willian Farquhar memerintahkan agar tembok Kota A Farmosa diruntuhkan:

“Sebermula...darihal Tuan Raja Farquhar hendak memecahkan kota Melaka itu...maka kebanyakan fikiran orang Melayu pada masa itu tiadalah akan terpecahkan oleh Inggeris akan kota itu, kerana teguhnya. Dan lagi oleh sebab banyak sangat hantu syaitan itu...” (hal 42)

Abdullah Munsyi juga mengkritik pemahaman yang salah terhadap ajaran Islam apabila Tengku Panglima Besar mengarahkan Pangeran menulis surat palsu di atas nama Susuhanan Mataram dan dipaksa bersumpah dengan menggunakan al-Quran supaya tidak dibocorkan rahsia tersebut.

“Maka dikeluarkannya Quran, dipanggilnya sahaya dahulu, disuruhnya bersumpah...setelah sudah, maka katanya, marilah engkau buat satu surat, katakan surat daripada Susunan Bantaram...kemudian daripada itu berteguh-teguhlah janji yang tiada boleh membukakan rahsia itu...” (hlm. 90)

Beliau juga dikritik hebat oleh kawan-kawannya kerana mempelajari bahasa Inggeris, membaca kitab Bible dan membantu rakan-rakan paderinya menterjemahkan Bible ke dalam bahasa Melayu. Dalam hal ini, beliau menafikan pandangan tersebut dengan katanya:

“ Masing-masing melarang aku, katanya, jangan baca kitab ini...nanti rosak iman...maka jawabku..jikalau kiranya aku baca membaca seribu kitab agama lain-lain, jikalau tiada percaya aku akan dia, bolehkah rosak iman?” (hlm. 99)

Seterusnya beliau menceritakan:

“...maka banyaklah orang-orang melarang aku, katanya, apakah faedah dipelajari bahasa kafir itu? Maka sekalian itu tiada kuendahkan, kerana kuketahui ia itu orang bodoh. Maka kalau tidak kupelajari pada masa mudaku ini, apakah kelak halku pada masa aku tua? Dapat tiada menyesal juga adanya.” (hlm. 103)

Oleh kerana beliau tidak mempedulikan larangan kawan-kawanya, beliau dicerca dengan diberikan gelaran yang menghina iaitu ‘Abdullah Paderi’. Namun, beliau tetap yakin berada di landasan yang benar bahkan menganggap orang yang menghina beliau itulah yang tidak cerdik lagi bodoh. Gambaran ini dapat dilihat menerusi catatannya:

“Maka digelar oleh mereka itu akan namaku Abdullah Paderi. Maka pada sangka mereka itu ia itu suatu nama keji dan aib...maka adalah pada fikiranku ...sebab ia bodoh, akulah cerdik. Bolehkah orang bodoh itu menjadi guru paderi dan orang-orang putih? Dapat tiada orang yang pandai juga boleh jadi...” (hlm. 122)

Berdasarkan pengamatan beliau terhadap orang-orang Sultan dan Temenggung, beliau pesimis jika tampuk pemerintahan Singapura dipegang oleh orang Melayu; nescaya banyaklah kerosakan yang akan berlaku:

“...sekiranya orang Melayu yang memegang perintah dalam negeri Singapura, nescaya diambilnya lahir cukai judi itu, maka tiada pun ia berkata, inilah wang gunanya dalam dunia sahaja, tidak berguna dalam akhirat, tetapi jika lahir disuruhkan anaknya belajar ilmu-ilmu yang baik-baik, maka katanya, apakah gunanya ilmu itu dipelajari? Gunanya dalam dunia ini sahaja, tiada berguna dalam akhirat adanya.” (hlm. 198)

c) Pembaharuan Sosial

Abdullah Munsyi melihat dakwah sebagai alat untuk reformasi sosial. Dia mengkritik banyak aspek kehidupan sosial orang-orang Melayu yang dianggapnya ketinggalan zaman dan tidak produktif, seperti kebiasaan boros, kemalasan, dan kurang berdisiplin. Umpamanya beliau mengkritik Sultan Hussin yang kekurangan dana untuk menampung tanggungannya tetapi enggan terlibat dengan perniagaan apabila dianjurkan oleh Raffles malah ditertawakan sebagai suatu pekerjaan yang memalukan. Beliau menulis:

“...Sultan Husin Syah itu datang pula mengadukan halnya kepada Tuan Raffles dari hal pendapatannya itu tiada juga cukup...maka apabila Tuan Raffles mendengar pengaduannya...kemudian lalu diajawabnya...ada seorang sahabat sahaya di Benggala yang terlalu kaya...namanya Tuan Palmer. Maka boleh sahaya menyuruh hantar dagangan kepada Tuan Sultan...dan boleh

dapat commisionnya...maka apabila didengar oleh Sultan dan Temenggung...maka ia pun tertawa, serta katanya, itu bukan adat raja-raja. Berniaga menjadi suatu aib kepada raja-raja yang lain?..." (hlm. 165-166)

Dalam pandangannya, dakwah harus mendorong perubahan ke arah masyarakat yang lebih berdisiplin, produktif, dan berakhhlak mulia sesuai dengan ajaran Islam. Namun begitu, hasrat tersebut mestilah dimulai dengan sistem pendidikan. Anak-anak perlu mendapat pendidikan yang terbaik supaya nanti dia mampu membawa perubahan kepada masyarakatnya. Oleh sebab itulah, beliau berasa amat kecewa dengan tindakan Sultan Hussin menolak pelawaan Raffles untuk menghantar anaknya berserta anak Temenggung dan beberapa orang anak-anak menterinya belajar di Benggala.

"...maka kata Tuan Raffles...anak Tuan Sultan satu, dan anak Temenggung satu, serta dua tiga orang anak-anak menteri Sultan...sahaya mahu hantarkan ke Benggala...belajar bahasa Inggeris serta menulis Inggeris, dan belajar kira-kira dan belajar jenis ilmu, supaya jangan dia menjadi bodoh seperti orang-orang Melayu...maka diamlah Sultan sejurus, kemudian katanya...sahaya sudah muafakat kepada isteri sahaya, maka dia tiada mahu bercerai dengan anaknya...adalah pada fikiranku, maka nyatalah kebodoohan dan kekurangan fikiran sultan itu..." (hlm. 184-185)

Abdullah Munsyi juga sedar, pembaharuan sosial sukar dilakukan terhadap masyarakat yang tidak berpendidikan. Mereka tidak dapat berfikir secara rasional dan mudah percaya terhadap perkara yang bukan-bukan. Beliau menampilkan contoh bagaimana orang-orang Melayu dan Cina yang percayakan kata-kata pawang;

"...kebanyakan orang-orang Melayu dan Cina dan lainnya percaya, katanya, Pawang itu terlalu pandai hikmat gajah...maka sebab itu maka serba bangsa pun ada meminta ubat-ubat dan hikmat-hikmat dan tangkal-tangkal...maka adalah pada fikiranku bahawa sekalian itu bohong dan bodoh orang yang percaya demikian..." (hlm. 52)

Justeru, beliau turut membantu Paderi Milne membangunkan *Anglo-Chinese College* di Melaka. Di samping bahasa Inggeris, bahasa Melayu juga turut diajar secara formal. Maka ramailah anak-anak di negeri Melaka yang telah menjadi pandai membaca dan menulis bahasa Inggeris. Tetapi beliau agak terkilan dengan sikap orang-orang Melayu yang agak

keberatan menghantar anak mereka belajar kerana bimbang dipaksa memeluk agama Kristian. Mengenai hal ini, Abdullah Munsyi mencoret:

“Bermula maka adalah telah berpuluhan-puluhan kali aku ini disuruhkan oleh tuan-tuan itu memanggil dan mencari anak-anak Melayu, supaya boleh ia belajar...maka oleh sebab bodohnya dan sangka mereka mereka itu nanti dimasukkan Inggeris, tiadalah mahu datang...maka beberapa kali sudah aku ingatkan...sekali-kali tiada Inggeris itu hendak memasukkan seseorang ke dalam agamanya kalau empunya diri tiada suka...” (hlm. 120)

Anak-anak bukan sahaja perlu dididik sehingga pandai membaca bahkan juga perlu digalakkan supaya banyak membaca. Hal ini kerana, pembacaan yang luas akan menjadikan seseorang itu mampu berfikir secara rasional dan bertindak dengan betul. Generasi seperti inilah yang akan membawa ke arah perubahan sosial sebagaimana pesanan beliau:

“Maka sebab itulah aku berpesan kepada segala sahabatku yang membaca hikayat ini, maka jikalau hendak menjadi pandai dalam bahasa Melayu ini, maka hendaklah kiranya tuan berjinakin-jinakkan dengan segala hikayat-hikayat bahasa Melayu...adapun pengarangnya itu orang yang pandai juga adanya...maka sebab itu kita ambil kepandaian ilmunya itu,” (hlm. 97-98)

Tambah Abdullah lagi:

“...kata Tuan Thomsen, mari kita cuba jadikan kitab ilmu kira-kira dalam bahasa Inggeris, kita jadikan bahasa Melayu, supaya boleh senang budak belajar...pada hari itu juga aku mulai menyalin kitab yang bernama Arithmetic itu kepada bahasa Melayu..” (hlm. 118)

d) Interaksi dengan Budaya dan Ilmu Barat

Ada dakwaan yang mengatakan Abdullah terlalu mengagumi orang-orang Eropah khususnya Inggeris. Sebenarnya dakwaan tersebut kurang tepat kerana beliau juga mengkritik kebijakan dan budaya orang-orang Eropah. Umpamanya beliau mengkritik kebijakan William Farquhar. Abdullah menulis:

“maka masing-masing menggeleng kepala, katanya, banyak sungguh kepandaian dan hikmat orang putih ini, akan tetapi terlalu sayangnya kota sebagus ini dibinasakan...” (hlm. 43)

Ketika mengkritik sikap Paderi Thomsen, beliau menceritakan:

“Adapun kelakuannya itu seperti perkataan Melayu, ‘hujan berbalik ke langit’. Seolah-olah hendak mengajar aku. Maka hairanlah aku sebab melihatkan tabiat manusia yang mendakwa dirinya sahaja pandai,,,” (hlm. 105)

Namun, beliau tidak menolak sepenuhnya pengaruh Barat. Sebaliknya, dia percaya bahawa ada banyak hal yang boleh dipelajari dari pengetahuan dan teknologi Barat. Namun, dia menekankan bahawa penerimaan terhadap unsur-unsur Barat harus dilakukan dengan kritis, tanpa mengorbankan nilai-nilai Islam. Bagi Abdullah, dakwah juga melibatkan proses adaptasi terhadap perubahan zaman, asalkan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip agama. Abdullah mengulas:

“...adalah seumur hidupku baharulah aku melihat rupa huruf cap dan perkakasnya dan apitannya...hairan dalam hatiku...melihatkan bagaimanakah hikmat dan kepandaian manusia...serta aku memuji Allah serta berkata, Yang dijadikan lagi sekian pandainya, betapakah lagi Yang menjadikan?”. (hlm. 117)

e) Kritik terhadap Ketidakadilan Sosial

Abdullah juga menggunakan *Hikayat Abdullah* untuk mengkritik ketidakadilan sosial, termasuk penindasan oleh golongan berkuasa terhadap rakyat jelata. Dia percaya bahawa dakwah harus melibatkan pembelaan keadilan dan menentang penindasan dalam segala bentuk, sesuai dengan ajaran Islam yang menekankan keadilan. Abdullah menulis beberapa ketidakadilan sosial yang berlaku pada zamannya:

“Maka takutlah mereka itu...kerana pada sangka mereka itu seperti adat raja-raja Melayu dan orang besar-besar Cina, maka jikalau orang-orangnya membuat barang-barang apa kepada orang-ora g negeri tiada boleh dipengapakan dia. Jikalau mati seorang mereka itu tujuh orang bela gantinya”. (hlm. 84)

“...maka adalah yang sehari-hari memulai perkelahian itu melainkan orang Temenggung, kerana kelakuan mereka itu dengan orang-orang Melaka seperti kambing dengan harimau adanya. Kerana orang-orang Melaka itu tiada pernah bersenjata...” (hlm. 161)

“...maka jawab Sultan...kalau adat Melayu, orang itu dibunuh habis-habis dengan anak bininya dan kaum keluarganya. Maka tiang rumahnya dibalikkan ke atas , dan bumbungan rumahnya ke bawah, dan tanah bekas rumahnya itu pun dibuangkan ke laut adanya.” (hlm. 178)

Secara keseluruhan, pemikiran dakwah Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah* berfokus pada pembaharuan masyarakat melalui pendidikan, kritik terhadap amalan agama yang tidak sesuai, dan pembelaan keadilan sosial. Abdullah Munsyi berusaha untuk menghidupkan semangat Islam yang lebih murni dan relevan dengan cabaran zaman, sambil tetap mempertahankan identiti dan nilai-nilai Melayu-Islam.

Pendekatan Dakwah Abdullah Munsyi

Dakwah ialah suatu usaha mengajak, menyeru, atau mempengaruhi orang lain supaya mengikuti dan menghayati ajaran Islam sebagai satu cara hidup. Manakala pendakwah pula merupakan penentu kejayaan dakwah kerana pendekatan yang dipilih mestilah yang bersesuaian dengan watak dan kemampuan ilmunya. Ia merupakan tugas seluruh umat Islam. Menurut Anis Malik Thoha (2021), pendakwah perlu memberikan penjelasan dan kefahaman menyeluruh mengenai Islam agar dakwah yang dijalankan dapat menyelesaikan masalah sosial di samping membetulkan semula kesilapan yang dilakukan dengan memilih pendekatan yang bersesuaian.

Secara umumnya, dakwah mesti dijalankan dengan tiga cara iaitu *al-hikmah* (bijaksana), *mau'izah hasanah* (nasihat yang baik) dan *mujadalah* (berdialog dengan cara yang baik) (al-Quran, al-Nahl :125). Abdul Ghafar Don dan Hailan Salamon (2009) menegaskan *al-hikmah* ialah kemampuan para pendakwah untuk meletakkan sesuatu pada tempatnya dan kena pada masanya dan sifatnya tidak bertentangan dengan al-Quran dan as-sunnah. Justeru, *al-hikmah* atau bijaksana itu mempunyai maksud yang luas dan tidak terhad kepada pendekatan tertentu sahaja. Manakala, dari segi sasaran dakwah pula, ia dibahagikan kepada dua golongan iaitu golongan Muslim dan non-Muslim. Dalam konteks pendekatan dakwah Abdullah Munsyi, didapati beliau menggunakan dua pendekatan utama iaitu;

- i. Pendekatan dakwah *bil hal*. Beliau menonjolkan akhlak dan tingkah yang baik sebagai seorang muslim, teliti dan amanah dalam pekerjaan, melakukan interaksi sosial yang baik terhadap non-muslim dan lain-lain
- ii. Pendekatan *Dakwah bil kitabah*. Beliau banyak mengkritik atau menegur sikap, pemikiran dan budaya orang-orang Melayu yang tidak selari dengan tuntutan ajaran Islam yang sebenar.

a) *Dakwah bil hal*

Dakwah *bil hal* ialah konsep dakwah dalam Islam yang merujuk kepada penyampaian ajaran agama melalui perbuatan dan contoh nyata dalam kehidupan seharian, bukan hanya melalui perkataan atau ceramah. Dalam konteks ini, tingkah laku, tindakan dan akhlak seorang Muslim menjadi wadah penyampaian syiar Islam kepada orang lain, baik yang beragama Islam maupun yang bukan Islam. Dakwah *bil hal* adalah sebuah metode dakwah yang mencakupi kegiatan amal usaha dan aktiviti yang sesuai melalui bidang pendidikan, politik, kepimpinan dan sosial kemasyarakatan. Menurut Azizul Azra dan Mohd Hisyam (2017), pendekatan dakwah bil hal boleh dilakukan secara *fardhiah* (individu) maupun *jamaah* (kumpulan) dengan kaedah menonjol, memperlihat, memperkenalkan nilai-nilai Islam secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, memenuhi keperluan individu atau masyarakat khususnya golongan yang memerlukan turut dianggap sebagai pendekatan dakwah bil hal. Beberapa ciri utama dakwah bil hal ialah:

1) Teladan dalam Akhlak dan Tingkah Laku

Dakwah bil hal menekankan kepentingan menunjukkan akhlak yang baik, seperti jujur, adil, sabar dan pemurah. Seorang muslim yang mengamalkan *dakwah bil hal* akan berusaha menjadi suri teladan yang baik dalam masyarakatnya, agar orang lain dapat melihat dan merasai secara langsung kebaikan ajaran Islam. Dalam Hikayat Abdullah, pengarang ada menceritakan bahawa guru mestilah dilantik dari kalangan yang berilmu:

“..sudah kuketahui akan rahasia orang yang berguru dengan orang yang meniru itu, terlalu jauh bezanya.” (hlm. 33)

Walaupun Abdullah belajar bahasa Inggeris dan membantu paderi Inggeris belajar bahasa Melayu tetapi tetap menjaga akhlak dan tingkah laku sebagai seorang Muslim. Namun, beliau difitnah telah rosak akidah dan terikut-ikut dengan budaya Inggeris. Akibatnya, bapa beliau telah termakan

fitnah tersebut dan menghalangnya daripada belajar dan bergaul dengan orang-orang Inggeris. Salah faham tersebut akhirnya dapat dileraikan apabila Paderi Milne dan Paderi Thomsen bertemu dengan ayahnya dan menjelaskan perihal sebenarnya:

“...kerana dia adalah seorang sahaya dapat dalam orang Melaka yang ada fikiran boleh belajar dan boleh menjadi guru bahasa Melayu...” (hlm. 122)

2) Interaksi Sosial yang Positif

Dakwah bil hal juga melibatkan interaksi sosial yang penuh kasih sayang dan hormat-menghormati dengan semua orang, tanpa mengira agama atau latar belakang mereka. Dengan menunjukkan sikap inklusif dan menghormati perbezaan, seorang Muslim dapat menunjukkan kesejagatan ajaran Islam. Selain itu, hasil interaksi sosial yang positif ini telah menjadikan seseorang itu lebih berpengetahuan dan bijak dalam melihat atau menilai sesuatu isu. Abdullah menulis:

“...kebanyakannya bangsa orang yang di sebelah sini yang percayai berbagai-bagai jenis perkara yang bukan-bukan...akan tetapi semenjak aku telah mendapat pelajaran dan akal sedikit-sedikit, serta membaca kitab-kitab, tambahan pula telah bercampur-campur dengan orang yang berakal, iaitu orang putih, maka bahwasanya kuketahuilah sekalian itu bohong, lagipun penipu yang besar adanya.” (hlm. 111)

“...maka sayugianya mengambil ibaratlah kiranya segala orang yang berbudi dan yang bijaksana akan kias dan hikayatku yang kuceterakan perihal orang yang baik dan yang sempurna pengetahuannya itu, kalau dengan mudah-mudahan boleh ia meniru akan kelakuan dan tabiat serta bijaksana yang demikian itu...” (hal 212)

3) Menerapkan Islam dalam Kehidupan Seharian

Dakwah bil hal menggalakkan penerapan ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan termasuk pemikiran yang progresif dan pandangan hidup yang murni daripada elemen khurafat. Menerusi pemikiran yang progresif, Abdullah menunjukkan bagaimana ajaran Islam boleh diterapkan dalam konteks moden tanpa kehilangan intipatinya:

“...adalah dalam fikiranku orang yang bodoh tiada berilmu ini, bahawa sekali-kali tiada patut orang percaya seperti polong dan penanggalan...kerana asalnya pekerjaan itu semuanya terbit daripada hati orang yang tiada beriman kepada Allah dan Rasul...” (hlm. 112)

4) Profesionalisme dan Kualiti Kerja

Menjalankan kerja dengan profesional, berusaha memberikan yang terbaik, dan terus meningkatkan mutu kerja adalah sebahagian daripada *dakwah bil hal*. Ini menunjukkan dedikasi dan tanggungjawab yang merupakan sebahagian daripada etika kerja dalam Islam. Misalnya, Abdullah menegaskan bahawa tugas menjadi guru bukanlah sesuatu yang boleh diambil mudah atau tangkap muat sahaja. Seseorang itu perlulah memiliki kualiti tertentu sebagaimana catatan beliau:

*“...menjadi guru itu bukannya mudah, maka hendaklah ada kepadanya lima perkara:
Pertama-tama hendaklah ada pengetahuan.
Kedua hendaklah jangan ia membesarlu dirinya sebab pengetahuannya itu.
Ketiga hendaklah ada ia sabar daripada kesalahan dan kebodohan orang lain, serta menanggung kesusahan.
Keempat hendaklah diketahuinya tiap-tiap perkataan yang diajarkannya itu daripada asalnya, dan bagaimana memakai dia.
Kelima hendaklah ia rajin serta usaha”.*

(hlm. 101)

Kesimpulannya, pemikiran Abdullah Munsyi, seperti yang tergambar dalam Hikayat Abdullah, boleh dilihat sebagai satu bentuk *dakwah bil hal* dalam kehidupan seharian. Abdullah bukan sahaja menyampaikan kritikan dan nasihat melalui penulisannya, tetapi juga melalui kehidupannya sendiri sebagai seorang pendidik, penulis dan intelektual. Dengan menjadi contoh seorang yang berilmu, tekun dan kritis terhadap ketidakadilan, beliau menjalankan *dakwah bil hal* yang berusaha memajukan masyarakat Melayu pada zamannya. Abdullah menggalakkan perubahan sosial dan pemurnian amalan agama melalui tindakan konkret, bukan sekadar perkataan.

b) *Dakwah bil kitabah*

Dakwah bil lisan sangat terbatas berbanding *Dakwah bil kitabah*. Lebih-lebih lagi memasuki era abad ke-19 teknologi percetakan mula diperkenalkan oleh pihak kolonial barat. *Dakwah bil kitabah* ialah pendekatan dakwah yang dijalankan melalui tulisan atau literasi. Ia melibatkan penyebaran ilmu, mendokumentasikan pemikiran, nasihat, dan pesanan melalui pelbagai bentuk penulisan seperti buku, artikel, esei, surat, atau penerbitan lain. *Dakwah bil kitabah* merupakan kaedah yang berkesan kerana penulisan mempunyai jangka hayat yang panjang dan boleh menjangkau khalayak yang lebih luas, merentasi sempadan geografi dan masa. Berkaitan hal ini, Allah SWT berfirman dalam surah al-Qalam ayat 1 yang bermaksud: “*nun, perhatikanlah al-qalam dan apa yang dituliskannya.*” *Qalam* dalam ayat tersebut diterjemahkan sebagai pena (sejenis alat untuk menulis). Jadi, dakwah *bil qalam* ini sinonim dengan *Dakwah bil kitabah*. Berikut adalah beberapa aspek penting dalam *Dakwah bil kitabah*:

1) Penyebaran Ilmu

Penulisan merupakan sarana penting dalam menyebarkan ilmu, pengalaman, sejarah dan sebagainya. Dengan menulis, seorang itu dapat berkongsi kefahaman yang mendalam tentang sesuatu isu dan memberi pedoman kepada orang lain di kemudian hari. Dalam hal ini Abdullah turut menceritakan tujuan beliau menulis:

“*Maka bahawasanya kumeteraikanlah hikayatku ini...supaya menjadikan atas beberapa perkara. Pertama-tama supaya dapat diketahui oleh orang yang baharu-baharu ini akan perkara-perkara yang telah lalu zamannya. Kedua supaya dapat mengambil kias dan ibarat daripada perjalan dan kelakuan dan tabiat dan usaha dan rajin orang yang baik-baik...ketiga supaya ia menjauhkan dirinya daripada segala kejahatan dunia akhirat...keempat, supaya boleh menjadi teladan bagi segala orang yang baharu belajar bahasa Melayu...*” (hlm. 350)

2) Mendokumentasikan Pemikiran

Dakwah bil kitabah membolehkan pemikiran seseorang penulis didokumentasikan dengan baik dan boleh dirujuk oleh generasi seterusnya. Tulisan yang berhasil boleh menjadi warisan intelektual yang terus memberi inspirasi dan panduan kepada umat Islam di masa hadapan.

“...hendaklah ia mengambil ibarat akan hikayatku ini supaya membuangkan adat yang jahat itu, seperti yang dikirakan oleh orang-orang Melaka itu menjadi suatu kehinaan atau kurang hormat sebab membawa perempuan baik-baik daripada sebuah negeri , iaitu konon namanya ‘Melangkah Lautan’ ...adat bodoh itu asalnya terbit daripada orang yang tiada berakal...bukannya keluar dari dalam kitab atau larangan agama...” (hlm. 201)

“..jikalau tuan-tuan membaca hikayatku ini bahawa sekali-kali tiada aku mengadakan segala perkataan ini oleh sebab dengki aku hendak menghinakan orang. Melainkan adat kita hidup dalam dunia ini sehari dua. Jikalau baik disebut orang baik. Maka jikalau jahat pun demikian.” (hlm. 81)

“...maka sayugianya mengambil ibaratlah kiranya segala orang yang berbudi dan yang bijaksana akan kias dan hikayatku yang kuceterakan perihal orang yang baik dan yang sempurna pengetahuannya itu, kalau dengan mudah-mudahan boleh ia meniru akan kelakuan dan tabiat serta bijaksana yang demikian itu...” (hal 212)

3) Pengaruh Mendalam dan Berkekalan

Penulisan cenderung memberi impak yang mendalam kerana pembaca boleh merenung, mengkaji dan kembali kepada teks pada bila-bila masa. Ini membolehkan pemahaman yang lebih mendalam dan dapat diterapkan terhadap perkara yang disampaikan. Abdullah Munsyi adalah contoh yang sangat relevan dalam konteks *Dakwah bil kitabah*. Melalui karya-karya beliau khususnya *Hikayat Abdullah*, Abdullah menyampaikan kritikan, nasihat dan pandangan terhadap Islam dan masyarakat Melayu pada zamannya. Hikayat Abdullah bukan sahaja berfungsi sebagai autobiografi, tetapi juga sebagai medium dakwah, di mana Abdullah mengajak pembacanya merenung keadaan masyarakat dan kepentingan perubahan sosial yang selari dengan ajaran Islam.

Selain *Hikayat Abdullah* (1849), Abdullah turut menulis pelbagai karya lain, antaranya ialah *Syair Singapura Terbakar* (1830), *Da'wail Kulub* (1838), *Kisah Pelayaran Abdullah bin Abdul Kadir Musyi dari Singapura ke Kelantan* (1838), *Syair Kampung Gelam Terbakar* (1847), dan *Kisah Pelayaran Abdullah ke Negeri Jeddah* (tidak tamat, kerana meninggal dunia pada tahun 1854). Beliau juga turut menghasilkan sebuah karya terjemahan iaitu *Hikayat Panca Tanderan* (1838) dan menghasilkan semula naskhah-

naskah lama iaitu Sejarah Melayu (1830) serta Kitab Adat Segala Raja-Raja Melayu Dalam Segala Negeri (1837).

KESIMPULAN

Abdullah Munsyi dalam *Hikayat Abdullah* membawa pendekatan dakwah yang menekankan kepentingan pendidikan, pembaharuan sosial, dan penyucian amalan agama. Beliau mengkritik kelemahan masyarakat Melayu pada zamannya, seperti kekurangan ilmu pengetahuan, kebergantungan kepada tradisi yang tidak selari dengan ajaran Islam, dan ketidakadilan sosial. Melalui pendekatan *Dakwah bil kitabah*, khususnya dalam *Hikayat Abdullah*, beliau mengajak manusia untuk memperbaiki diri melalui pendidikan, penerapan ajaran Islam yang murni, dan penyesuaian dengan perubahan zaman tanpa mengorbankan nilai agama. Abdullah Munsyi melihat dakwah sebagai wadah melahirkan masyarakat yang lebih terpelajar, berakhhlak mulia dan adil, serta mampu menghadapi cabaran moden di samping berpegang kepada prinsip Islam.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

PENGHARGAAN

Tiada

SUMBANGAN PENULIS

Azman Yusof membuat draf penulisan artikel ini. Azman Yusof dan Anisah Bahyah Hj Ahmad membuat semakan literatur, suntingan kandungan dan penyeliaan keseluruhan penulisan artikel. Semua penulis telah menyemak dan meluluskan versi akhir artikel ini.

RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don & Hailan Hj Salamon. 2009. Dakwah kepada Non-Muslim di Malaysia: Pendekatan dan Cabaran. *Jurnal al-Hikmah* 1: 39-54.
- Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi. 1963. *Hikayat Abdullah* (Jilid 1 dan 2). Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Anis Malik Thoha. 2021. Pendekatan dakwah dalam Surah An-Nahl ke atas remaja bermasalah sosial di Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) Kampong Belimbang Subok, Negara Brunei Darussalam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 6(39): 32-40.
- Azizul Azra Abdul Razak dan Mohd Hisyam Abdul Rahman. 2007. Dakwah bil hal dalam konteks masyarakat semasa di Malaysia. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN2017)* Ayer Keroh, Malacca, Malaysia, 1–2 November 2017.
- Dewey, J. 1910. *How We Think*. Boston: D. C. Heath & Co.
- Fadlullah Jamil, 2008. *Tajdid dan Islam mengikut pemikiran HAMKA*. Ed. Sidek Baba. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ibn Manzur, 1990. *Lisan al-'Arab*. Dar al-Sadir: Beirut
- Munsyi Abdullah. 1997. *Hikayat Abdullah*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Teuku Iskandar, 1993. *Kamus Dewan* (Edisi Keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

SENARAI PENGARANG

Prof Madya Dr. Azman Yusof (Pengarang Penghubung)*
Pensyarah Kanan
UniKL MICET
Bandar Vendor Taboh Naning
78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
E-mel: azmanyusof@unikl.edu.my

Dr. Anisah Bahyah Hj Ahmad
Pensyarah Kanan
UniKL MICET
Bandar Vendor Taboh Naning
78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia.
E-mel: anisah@unikl.edu.my